

FATWA KEDUA PULUH SATU

HUKUM ZAKAT, KORBAN DAN AKIKAH KE ATAS TERNAKAN RUSA

KEPUTUSAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-32 yang bersidang pada 10-11 Jun 1993 di Kedah telah membincangkan Hukum Zakat, Korban dan Akikah Ke Atas Rusa. Muzakarah memutuskan bahawa:

1. Rusa tidak diwajibkan zakat dan tidak boleh dijadikan binatang korban dan akikah.
2. Sekiranya diperniagakan, maka dikenakan zakat perniagaan dengan kadar 2.5%.

LATAR BELAKANG

Hukum zakat, korban dan akikah telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atas permintaan Deer Farm Sdn. Bhd., anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor. Penternakan rusa sedang giat dijalankan secara komersial di Ladang Ternak Balau, Johor. Penternakan rusa ini dijalankan di kawasan seluas 500 ekar bertanam rumput dan berpagar. Makanan utama bagi rusa ini ialah rumput dan 10-20% ialah makanan tambahan.

Baka-baka rusa yang ditenak di ladang ini ialah jenis *Fallow* dari New Zealand yang dibawa khusus ke Malaysia untuk pasaran di dalam dan di luar negara. Harga daging rusa di pasaran tempatan ialah di antara RM30 - RM50 bagi satu kilogram. Manakala harga bagi seekor rusa jantan ialah antara RM 700 - RM 800, dan bagi seekor baka betina ialah dalam lingkungan RM 3000.⁹⁴

⁹⁴ Berdasarkan kadar harga pasaran pada tahun 1993.

HUJAH DAN DALIL

1. Zakat Rusa Dan Perkiraannya

Dalam konteks zakat binatang, para ulama bersepakat bahawa binatang dari jenis *al-an'am* iaitu unta, lembu (termasuk kerbau) dan kambing (termasuk biri-biri dan kibas) adalah diwajibkan zakat ke atas penternakannya apabila mencukupi syarat-syarat berikut:

- a. binatang jinak,
- b. cukup nisab iaitu 5 ekor bagi unta, 30 ekor bagi lembu dan 40 ekor bagi kambing,
- c. cukup haul (setahun),
- d. ditenak di padang rumput dan tidak digunakan untuk melakukan kerja-kerja seperti membajak, ditunggang dan membawa barang-barangan.⁹⁵

Binatang ternak seperti unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri, termasuk dalam kategori *al-an'am* kerana ia merupakan binatang yang jinak dan banyak memberi faedah kepada manusia. Allah SWT berfirman:

وَاللّٰتَعَمَّ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٦٥﴾
وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرْتَحُونَ وَحِينَ تَسْرَحُونَ ﴿٦٦﴾ وَتَحْمِلُ
أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّمْ تَكُونُوا بَلِغِيهِ إِلَّا بِشِقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ
لَرءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٦﴾

Maksudnya:

Dan binatang-binatang ternak itu, ia juga menciptakannya untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanasakan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain, dan daripadanya juga kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu keindahan

⁹⁵ Al-Zuhaily, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, t.th, jld.2, hlm. 833-834. ⁹⁶ al-Quran, Surah al-Nahl, 16:5-7.

(yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Dan binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.

Merujuk kepada perihal tersebut, rusa tidak boleh diklasifikasikan sebagai binatang *al-an'am* yang wajib dikenakan zakat binatang kerana ia merupakan sejenis binatang liar. Walau bagaimanapun, rusa boleh dikenakan zakat atas perkiraan zakat perniagaan kerana rusa bersifat subur dan berkembang biak (*al-nama'*).⁹⁷ Kadar zakat binatang yang ditenak untuk tujuan perniagaan ialah sebanyak 2.5% daripada nilai keseluruhan yang dijual. Kaedah ini adalah berdasarkan amalan yang dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab RA yang meletakkan kadar zakat kuda berdasarkan harganya iaitu emas sebanyak 2.5%.

2. Hukum Menjadikan Rusa Sebagai Binatang Korban Dan Akikah

Ulama telah bersepakat mengatakan bahawa binatang-binatang yang boleh dibuat korban dan aqiqah ialah binatang-binatang yang termasuk dalam "*bahimah al-an'am*" yang diwajibkan zakat iaitu unta, lembu (termasuk kerbau) dan kambing (termasuk biri-biri dan kibas).

97 Al-Qardhawi, Yusuf, *Fiqh al-Zakat*, Muasasah al-Risalah, t.th, jld. 1, hlm. 233-234.